


NOTA PENTING

Sila baca Lampiran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil pelan **Insurans Rumah Persendirian**. Sila pastikan untuk membaca terma dan syarat umum.

1. Apakah produk ini?

Polisi ini memberi perlindungan kepada bangunan anda termasuk lekapan dan kelengkapan dan melindungi kerugian atau kerosakan akibat kebakaran atau oleh apa-apa peril yang dinyatakan dalam polisi insuran ini dengan sambungan berikut:

- i) Insuran Liabiliti Tuanpunya Bangunan dan Liabiliti Perseorangan
- ii) Insuran Kemalangan Diri

Polisi ini melindungi kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kebakaran, kilat, letupan, banjir, Pecahan atau limpahan tangki air, paip dan mana-mana peril yang diinsuranskan yang lain jelas dinyatakan di dalam polisi insurans tersebut di atas.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi kerugian atau kerosakan bangunan anda atau kandungan di dalamnya yang disebabkan oleh:

- a) Kebakaran, kilat kebakaran bawah tanah dan letupan yang berpunca daripada gas yang digunakan untuk tujuan domestik.
- b) Pesawat dan perantiudara yang lain atau benda yang gugur daripadanya, hentaman oleh kenderaan di jalanraya atau binatang, pecahnya atau melimpahnya tangki, peralatan atau paip air rumah, kecurian disertai dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar daripada bangunan dengan menggunakan kekerasan dan keganasan sebenar, hurikan, siklon, taufan, rebut angin, gempa bumi, letupan gunung berapi dan banjir dan rusahan mogokan dan kerosakan disebabkan oleh pihak yang berniat jahat.
- c) Kehilangan sewa (tidak melebihi 10% daripada jumlah yang diinsuranskan).
- d) Jumlah Liabiliti awam sehingga RM 250,000.00.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar dan apakah keadah pembayaran premium?

- Jumlah premium yang anda perlu bayar berbeza bergantung kepada jumlah yang dilindungi:

Contoh: -

<u>RUMAH PERSENDIRIAN</u>	<u>Bangunan</u> RM 300,000
Kadar Premium	@0.119%
Premium Kasar	RM 357.00

Nota: The premium kasar pengiraan ke atas tidak termasuk duti setem.

- Pembayaran Premium boleh dibuat secara Tunai, Kad Kredit/Debit, Perbankan Internet dan Cek.

4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

- a) Cukai Barangan dan Perkhidmatan : 6% daripada premium
- b) Duti setem : RM10.00
- c) Komisen dibayar kepada pengantaran insurans (jikaada) : 15% daripada premium

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

a) Kepondingan pendedahan

- Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insuran sini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion and, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borong Cadangan (atau semasa memohon insuran sini). Anda dikehendaki menjawab soalan soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.
- Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan termaatau penamatan kontrak insurans anda.
- Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans and dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insuran sini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.
- Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.
- Anda harus memastikan harta anda diinsuranskan pada amaun yang berpatutan dengan mengambil kira pengubahsuaian yang dilakukan pada harta tersebut.
- Anda boleh menginsuranskan harta anda berasaskan dasar Nilai Pasaran atau Nilai Pengembalian Semula -
 - a) Dasar Nilai Pasaran – pihak kami akan membayar kos pembaikan ke atas harta yang rugi atau rosak setelah ditolak amaun susur nilai.
 - b) Dasar Nilai Pengembalian Semula – pihak kami akan membayar kos penuh untuk pembaikan harta yang rosak tanpa menolak susut nilai, dengan syarat jumlah perlindungan adalah mencukupi untuk menampung jumlah kos pengembalian semula harta tersebut.
- Sekiranya jumlah diinsuranskan dalam polisi anda adalah kurang daripada nilai sebenar pada waktu kerugian berlaku (contohnya insurans terkurang), anda dianggap harus menanggung sendiri terhadap perbezaan syarat purata akan dikenakan jika berlakunya tuntutan.
- Lebihan, sebagai amaun yang harus anda tanggung sendiri sebelum kami membayar balik kepada anda, adalah dikenakan untuk peril tertentu, seperti tuntutan terhadap tangki air domestic melimpah, ribut angin, gempa bumi dan banjir.

b) Insurans lain

Jika terdapat sebarang polisi lain yang melindungi yang sama atau sebahagian daripada kerugian, kerosakan atau liabiliti yang sama, kami hanya akan membayar kadar bahagian kerugian keseluruhan, kerosakan atau liabiliti.

c) Jaminan perbatasan dagangan

Terjamin sementara ketika polisi ini, tiada bahagian premis yang dinyatakan dalam dokumen ini digunakan untuk membuat barang-barang atau meletak atau menyimpan barang-barang dagangan.

d) Jaminan premium.

Adalah menjadi asas dan syarat yang benar-benar istimewa bagi kontrak insurans ini di mana premium yang patut ditunaikan mesti dibayar dan diterima oleh penanggung insurans dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan polisi/pengesahan/pembaharuan sijil ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

- a) Perang, perang saudara dan apa-apa tindakan keganasan
- b) Risiko radioaktif dan tenaga nuklear
- c) Kerosakan harta kepada data atau perisian
- d) Seksyen "Liabiliti Terhadap Awam" tidak melindungi apa-apa kecederaan yang dianggap berkaitan dengan asbestos atau kerosakan yang melibatkan penggunaan kehadiran kewujudan, pengesanan, pengalihan, pembuangan atau penghindaran asbestos atau terdedah atau potensi terdedak kepada asbestos.
- e) Penenggelaman dan gelinciran tanah

(Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.)

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium ditolak premium pada kadar tempoh singkat bagi tempoh polisi yang telah berkuatkuasa, tertakluk kepada premium minimum RM100.00 yang ditahan oleh pihak kami. Tiada pemulangan premium dibenarkan jika timbulnya tuntutan di bawah polisi ini.

8. Bagaimanakah saya membuat tuntutan?

Sila beri notis bertulis kepada Syarikat dengan butir-butir penuh dalam masa tujuh (7) hari selepas menerima notis atau mengalami sebarang kemalangan, kerugian atau kerosakan. Anda boleh menghubungi mana-mana cawangan kami atau wakil jualan untuk memperolehi borang tuntutan. Hantarkan borang tuntutan yang lengkap kepada Syarikat dengan dokumen-dokumen berkenaan secepat mungkin.

9. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh memberikan maklumat anda yang terkini melalui ejen kami yang diberi kuasa, cawangan atau perkhidmatan pelanggan kami.

10. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut berkaitan insurans Rumah Persendirian, sila rujuk buku panduan maklumat infoinsurans yang boleh didapati di semua cawangan kami atau layari laman web www.insuranceinfo.com.my.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Tune Protect Malaysia

Tune Insurance Malaysia Berhad

Company No: 197601004719 (30686-K)

Tingkat 9, Wisma Tune,

No. 19 Lorong Dungun, Damansara Heights, 50490, Kuala Lumpur, Malaysia.

No Tel

: 1800 88 5753

Faks

: 03-20941366

Emel

: hello.my@tuneprotect.com

Laman Web

: www.tuneprotect.com



NOTA PENTING:

Anda dinasihatkan untuk memastikan harta anda diinsuranskan pada amaun yang berpatutan. Anda hendaklah membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan wakil jualan kami atau menghubungi syarikat insurans secara langsung untuk maklumat lanjut.

Maklumat yang disediakan dalam lampiran pendedahan ini adalah ringkasan untuk rujukan yang cepat dan mudah. Terma dan syarat tepat yang digunapakai dinyatakan dalam kontrak polisi.

Tune Insurance Malaysia Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Maklumat yang diberikan dalam Lampiran Pendedahan Produk ini adalah sah pada 31 Mar 2020.